

NO. SOALAN : 450

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN GOOI HSIAO-LEUNG

SOALAN :

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil rundingan antara Setiausaha Agung Majlis Keselamatan negara Thailand di Kuala Lumpur pada 9 dan 10 September, 2014 dengan Ketua-ketua keselamatan negara Malaysia mengenai rundingan semula damai dengan kumpulan-kumpulan pemberontak di selatan Thailand.

JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 10 September 2014, Encik Thawil Pliansri, Setiausaha Agung Majlis Keselamatan Negara Thailand telah mengadakan kunjung hormat kepada Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebelum beliau bersara pada 1 Oktober 2014. Tiada sebarang rundingan diadakan di dalam pertemuan tersebut. Walau bagaimanapun, di antara perkara yang diperkatakan dalam pertemuan berkenaan adalah mengenai kesediaan Kerajaan Thailand untuk meneruskan proses dialog damai Selatan Thailand dan memaklumkan peranan Malaysia selaku Fasilitator akan diteruskan.

Setiausaha Agung Majlis Keselamatan Negara Thailand juga memaklumkan bahawa Perdana Menteri Thailand, TYT Prayuth Chan-Ocha akan mengadakan kunjung hormat kepada YAB Perdana Menteri pada bulan Oktober 2014.

Sekian. Terima kasih.